

**Seni silat  
di Gim Moh**

BALAI Rakyat Ghim Moh akan menganjurkan kursus Seni Silat Melayu mulai bulan ini. Kursus akan diadakan tiap-tiap Khamis dari 7.30 malam hingga 9.30 malam bertempat di Balai Rakyat tersebut.

Butir-butir lanjut boleh didapatkan dari Balai Rakyat Ghim Moh di Blok 21, Ghim Moh Road Singapura 1427. **JAN 1980**

# Pendekar2 muda kita masih kurang matang?

SALAH satu kelemahan yang nyata di kalangan pendekar-pendekar muda kita ialah kurangnya pengalaman bersilat.

Ini jelas sekali kelihan-  
tan dalam **Pesta Silat Kebangsaan 79** di mana para pesertanya hampir 90 peratus terdiri dari belia dan belianisan di bawah umur 20 tahun.

Kerana usia mereka yang masih muda, pengalaman mereka dalam seni mempertahankan diri ini terhad dan tidaklah selua 'pendekar-pendekar' yang lebih dewasa dan matang lagi.

## Serangan

Ini bukan bermakna mereka tidak boleh bersilat atau mempersebahkan tarian-tarian silat yang menarik tetapi, apabila mereka bertanding antara satu sama lain, ketara sekali kekurangan mereka dalam mencari fikiran atau langkah baru untuk mengatur serangan.

Sehingga pada suatu ketika, dua pendekar yang sedang beradu lebih keli-

**PENCAK SILAT**  
hatten seperti dua ahli judo atau taekwon-do daripada dua ahli pencak silat. Terdapat juga mereka yang hampir-hampir seperti orang bertinju.

Berbeza dengan lain-lain pelajaran, seni silat tidak boleh dipelajari dalam masa yang singkat untuk seseorang menjadi ahli. Dia perlu menuntut ilmu silat selama bertahun-tahun sebelum benar-benar layak menjalani pendekar.



● ADUH....lineah sungguh gadis-gadis ini

Satu lagi perkara yang menyedihkan yang dipersebutui oleh mereka —

Encik-encik Budin Seon dari Seni Silat Cekak; Haji Ibrahim bin Alwi dari Persatuan Bawean Singapura; Husni Ahmad dari Al Had dan Hussain Kaslan dari Silat Seni Gayung ialah taraf 'fitness' yang mengecewakan sekali.

Terdapat ramai para peserta yang menjadi lemah dan setelah dua atau tiga minit sahaja menunjukkan persembahan mereka.

Kerana kelemahan ini, persembahan mereka yang pada mulanya gagah sekali, menjadi pudar dan timbul pula kesilapan-kesilapan yang nyata.

Kalau dalam pertunjukan seni mempertahankan diri yang lain, sering terdapat para penonton yang terpesona kerana persembahan yang mungkin mengerikan, mengagumkan atau begitu 'realistik' sekali. Tetapi hal ini tidak terdapat dalam pesta pada kedua-dua malam tersebut.

Acara menarik dalam pesta itu hanya demonstrasi silat 'Cimandi' yang dipersembahkan oleh tamu undangan dari Indonesia, Saudara T.M. Sofian.

## Kebolehan

**Saudara ZAINAL ABIDIN** yang berumur 33 tahun dan berasal dari Bogor, Jawa Barat, sudah lebih dari 20 tahun berkecimpung dalam lapangan ini, dan tentu pengalamannya yang sebegini luas telah dapat dipertunjukkan dengan berjaya sekali.

Di sini timbul persoalan ke manakah perginya pendekar-pendekar kita yang benar-benar matang dalam ilmu seni silat ini. Kenapakah mereka tidak mahu menunjukkan kebolehan mereka supaya selera penonton dapat dipuaskan. — Oleh

ZAINAL ABIDIN.

## Kagumkan

Dalam hubungan ini, dapat juga diselitkan bahawa kerana kekurangan pengalaman bersilat di kalangan para pesilat muda kita, maka 'showmanship' yang diperlihatkan dalam pesta tersebut sungguh mengecewakan sekali.

Tidak terdapat sama sekali langkah-langkah, tendangan-tendangan atau pukulan yang mengagumkan. Kebanyakannya dari persembahan-persembahan malam itu telah dilakukan terlebih dahulu dan kerap apabila seseorang tersalah langkah atau terlambat, lawannya akan terpinga-pinga menunggu dia bersedia semula.

Tentu sekali keadaan seperti ini tidak akan berlaku jika kedua-duanya mempunyai pengalaman yang luas dalam seni silat ini dan boleh menunjukkan bunga-bunga permainan yang lebih mantap lagi.

## Kecewakan

Pada keseluruhannya, semua pendekar yang turut bertanding mempunyai bakat yang baik tetapi kerana tidak terdapat pendekar-pendekar yang benar-benar matang, persembahan-persembahan mereka tidak 'realistik'.

Walaupun satu perkara yang menggembirakan ialah kata sepakat dari empat orang tokoh-tokoh silat tempatan yang mengatakan bahawa mutu seni silat sekarang adalah lebih tinggi lagi dari zaman-zaman mereka, namun kalau dibandingkan dengan pesta tahun lalu, persembahan tahun ini tidaklah begitu baik.